



Ke Arah 100 Tahun KSAH

Oleh : G. KUGHAN & ARIFF YASIR

Pada 12 Oktober 2006, satu temu ramah telah diadakan dengan pengetua, Tuan Haji Morazuki bin Haji Hashim. Temu ramah tersebut diadakan di pejabat beliau untuk mendapatkan gambaran tentang KSAH menjelang sambutan "100 Tahun KSAH" pada tahun 2008.

Dalam perkembangan berkaitan, pengetua mengatakan betapa perlunya dilakukan usaha-usaha merekod, mendokumentasi dan menyimpan secara sistematik sejarah perkembangan KSAH dari dahulu sehingga sekarang supaya boleh dijadikan sumber rujukan.

Usaha tersebut penting agar seseorang dapat mengetahui tentang tahap perkembangan dan pencapaian KSAH pada tahun-tahun tertentu dengan mudah.

Selaras dengan visi dan matlamat KSAH, pengetua menegaskan bahawa syarat kemasukan ke KSAH iaitu sekurang-kurangnya 4A 1B dalam Peperiksaan UPSR bermula tahun 2002 dan penggunaan Sistem Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) yang digunakan untuk mengukur kualiti pencapaian pelajar telah berjaya meningkatkan pencapaian prestasi akademik KSAH. Namun begitu, un-

tuk memastikan pencapaian yang lebih cemerlang, syarat-syarat kemasukan ke KSAH mungkin akan diperketatkan iaitu bilangan kemasukan pelajar yang mendapat 5A ditingkatkan, manakala bilangan 4A 1B dikurangkan.

Disamping itu, pelbagai program peningkatan akademik yang melibatkan semua tingkatan (bukan kelas peperiksaan sahaja) akan diperkenalkan sebagai satu program jangka panjang. Walau bagaimanapun, menurut beliau tahap pencapaian dalam sukan telah agak menurun

Lihat Muka 3

Pertandingan Puisi Merdeka

Oleh : HARI LAKSHMAN KUMAR

Pada 10 Ogos 2006 yang lepas, telah diadakan pertandingan Puisi Hari Merdeka di Taman Budaya di peringkat negeri. Tiga orang pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid iaitu Wan Mohd. Akmal dari kelas 5 Beta, Nur Jameela Salmi dan

Md. Hafizi Halim dari kelas Pra U 1 Gamma telah mewakili daerah Kota Star dalam pertandingan ini.

Mereka telah diiringi oleh Pn. Rogayah Abdul Rahim ke pertandingan tersebut. Mereka hanya berjaya membawa pulang sijil penyertaan.

Walaubagaimanapun, pihak Kolej Sultan Abdul Hamid ingin mengucapkan tahniah atas usaha dan kejayaan mereka untuk sampai ke tahap ini. Tahniah!

Pidato BPR

Oleh : HARI LAKSHMAN KUMAR

Pada 5 Julai 2006 yang lalu, Mohammed Ruhiezdad dari kelas Pra U 1 Sigma telah mewakili Kolej Sultan Abdul Hamid dalam pertandingan pidato anjuran Badan Pencegah Rasuah (BPR) di peringkat daerah Kota Star. Pertandingan ini telah diadakan di Sekolah

Menengah Kebangsaan Tunku Malik. Beliau telah diiringi oleh Pn. Sofiah Zakaria dan Pn. Rogayah Abdul Rahim. Berkat hasil usaha serta bimbingan guru-guru beliau, Mohammed Ruhiezdad telah mendapat tempat ke-2.

Tahniah!

Isu Di Dalam:

Bronze Medal Winner	2
Salleh Khir Award	2
Silent Killer	2
Perenang Handal	3
Selamat Bersara	4
Sambutan Perayaan	4

Bronze Medal Winner for Asian Schools' Fencing

By: MUHAMAD HASBUL HAKIM

Although fencing has only been introduced to KSAH early last year, Mohd Faiz Abdul Jalil had won a bronze medal in this arena thanks to his deep interest in this sport. He trains under a coach at the Hijau Kuning Sports Complex, Alor Star. The teacher of this club, En. Osmadosnani

Mat Lazim had also motivated him.

His parents were also a great factor in his success as they supported him financially, as well as motivates him. Apart from the Schools' Fencing Championship, he also won another bronze medal in Junior Circuit II Fencing.

Besides that, he has also been chosen to participate in the Junior Circuit I and Grand Prix II. When asked about his hopes in this fencing, he said that he would like to add more medals to his collection as well as mentoring someone to succeed in fencing.

Winner of Salleh Khir Award

By: SYED NAQUIDDIN SHAHAB

The winner, Noor Anwar Hadi felt very happy and touched on being awarded with the Salleh Khir Award. His parents, Noor Azman bin Zainol and Nor'ain bt Ismail were among his greatest supporters along

with his teachers and friends. When asked about his school life, he commented that he held the post of Assistant Troop Leader (ATL) in Land Scouts and Vice President in Rugby. He was also a member of the English Language Society and had been a School Pre-

fect since Form 2. For someone like him, a balance between academics and co-curricular activities is achieved by organizing a schedule to organize his activities. For SPM, he wishes to pass with flying colors to fulfill his parents' dream.

Silent Killer

By: SUJEY KUMAR RAJENDRAN

AIDS or the Acquired Immune Deficiency Syndrome is the collection of symptoms and infections in a human. This results from the specific damage to the immune system caused by HIV or the Human Immune Deficiency Virus. The only treatment is 'The Antiretroviral Therapy'. This treatment only slows the HIV and AIDS infection process. As there is no cure, the only way to battle HIV and AIDS is by using the power of prevention.

The first and best method of prevention is by early parental training. Parents should teach and guide their children on sexual relations. The parents should openly discuss sexual matters. This will create an open atmosphere. Furthermore, it will cut down the child's curiosity. The famous psychologist Dr. R Pearson advised parents to set aside

time to teach their children on the dangers of drug abuse and illicit sex. Most of the time, this helps children to avoid illicit sex. Another proactive prevention of spreading AIDS is by the United Nations AIDS easy approach method. The UNAIDS promotes an easy ABC method to reach the hearts of people. The method uses acronyms ABCNNS. 'A' stands for Abstinence from unprotected sexual relationships.

Around the world 75% of Aids patients are infected with HIV through unprotected sexual relations. So abstinence from unprotected sexual relations will surely prevent HIV from spreading. 'B' stands for Being faithful to your loved ones. 'C' represents Condom use for those who engage in risky sexual relationships, for example, one's partner is already affected by AIDS. 'N' stands for Needles which are sterilized and another 'N' for negotiating with sexual partners to have protected sex. Lastly, 'S' stands for

Smart choices that has to be made. This ABC method has saved many lives in many African countries successfully reducing the HIV and AIDS prevalence from 50% to 25%. This method is now being used at many Aids recovery countries in account of its effectiveness. The method of prevention by reducing the social stigma against Aids.

Social stigma is the mark of immorality. But if we are to prevent the greatest pandemic of all time, we have to bring the discussion of sexual behavior out into the open; Not hushing it. Furthermore we should involve people affected by HIV in the public education system. Why? This is to show students the consequences that come with the infection of Aids. This deadly disease can be prevented for the improvement of mankind. Let us speak on forums and elocutions. We will surely make on impact.

"The method of prevention by reduction the social stigma against AIDS"

Ooi Soon Heng Perenang Handal

Oleh: SUJEY KUMAR RAJENDRAN

Pada 15 September 2006 pelajar tingkatan 1 Beta, Ooi Soon Heng mengumumkan nama KSAH dengan mendapat pingat gangsa dalam acara 4 x 50m gaya bebas dalam Kejohanan Renang Novis Kedah 2006. Bukan itu sahaja, beliau juga menjulang nama KSAH dalam Kejohanan Renang Sukan Teras Negeri Kedah 2006 yang berlangsung pada 22 September dengan mendapat pingat emas dalam acara 50m backstroke, 100m backstroke, perak dalam acara 50m gaya bebas, 100m breaststroke dan 100m gaya bebas dan gangsa pula dalam acara 50m breaststroke, 50m kuak kupu-kupu dan 100m kuak kupu-kupu. Untuk mengenali lebih lanjut tentang Ooi Soon Heng ikutilah temubual dengan beliau bersama pihak Buletin, Sujey Kumar.

Sujey Kumar :

Sejak bilakah saudara menceburi dalam sukan renang?

Ooi Soon Heng :

Saya menceburi sukan renang se-

masa saya berusia 9 tahun dan mula aktif semasa berusia 12 tahun.

Sujey Kumar :

Dalam sukan terdapat pelbagai gaya. Antara gaya yang terdapat dalam sukan renang, gaya mana saudara mahir?

Ooi Soon Heng :

Sebenarnya saya mahir dalam gaya backstroke kerana sejak kecil lagi, lebih kurang dari umur 9 lagi saya berlatih gaya ini.

Sujey Kumar :

Bagaimana pula dengan latihan ?

Ooi Soon Heng :

Selalunya pada hari Ahad saya berlatih dari pukul 8 hingga 11 malam dan pada hari-hari yang seterusnya saya berlatih dari pukul 4 petang hingga 8 malam di Kompleks Akuatik Negeri Kedah, Gunung Keriang.

Sujey Kumar :

Apakah latihan yang saudara lakukan untuk mendapat kejayaan seperti ini?

Ooi Soon Heng:

Saya melakukan latihan yang ringan

sahaja jika tidak ada apa-apa kejohanan. Tetapi jika terdapat apa-apa kejohanan saya membuat latihan yang lebih keras seperti berenang 9km ataupun 10km.

Sujey Kumar :

Adakah dengan berlatih seperti ini akademik saudara merosot?

Ooi Soon Heng :

Sudah tentu tidak kerana di sekolah saya menumpukan sepenuh perhatian.

Sujey Kumar :

Baiklah akhir sekali apakah pesanan saudara kepada pembaca Buletin Kolej.

Ooi Soon Heng :

Jika kita melibatkan diri dalam sesuatu bidang, kita haruslah bersungguh-sungguh sehingga berjaya.

Sambungan Muka 1

Ke Arah 100 Tahun KSAH

dan sehubungan itu pelbagai program sukan untuk permainan seperti ragbi dan bola sepak telah diperkenalkan bertujuan untuk mewujudkan para atlet yang handal dan mampu bermain di peringkat yang lebih tinggi selaras dengan moto KSAH iaitu "Scholar, Sportsman, Gentleman". Menurut Pengetua lagi, sambutan tersebut juga akan menjadi sebahagian daripada acara perayaan sempena sambutan Jubli Emas pemerintahan KDYMM Tuanku Sultan Kedah Darul Aman. SAHOCA dan PIBG akan turut terlibat untuk menjayakan sambutan "100 Tahun KSAH".

Sebagai persediaan awal, beberapa persiapan telah dan akan dilakukan dan diantaranya ialah membaik pulih kafeteria, pembinaan galeri KSAH serta cadangan pembinaan dua buah makmal komputer baru dan bangunan tiga tingkat di blok ABC.

Catatan:

Sidang Buletin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengetua yang sudi meluangkan masa untuk ditemu ramah.

"Mewujudkan para atlet yang handal dan mampu bermain di peringkat yang lebih tinggi"

**WARGA KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID MENGUCAPKAN
SELAMAT BERSARA
KEPADA PUAN MOLLEY OOI
(1/5/1979 - 14/10/ 2006)
*JASAMU DI KENANG***

**Selamat Menyambut Hari Deepavali dan Selamat Hari Raya Aidilfitri
Kepada Seluruh Warga Kolej Sultan Abdul Hamid
*Semoga perayaan ini disambut dengan kemeriahan dan keberkatan***

**WARGA KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID INGIN MENGUCAPKAN
SELAMAT MENGHADAPI PEPERIKSAAN BAGI PARA
PELAJAR YANG AKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN SPM DAN STPM.
*SEMOGA BERJAYA DENGAN CEMERLANG***

Sidang Buletin

Penasihat :

Puan Roszilawati Yayah	En. Lim Cheng Haw
En. Chan Gun Heng	En. Rosli Endut
En. Sheridean Zakaria	

Pengerusi :

Kughan a/l Govinden

Naib Pengerusi :

Arif Yassir Zulkaffi

Setiausaha :

Sujej Kumar Rajendran

Naib Setiausaha :

Noor Anwar Hadi Noor Azman

Editor :

Ahmad Nadzim Ibrahim
Rajkumar a/l Puspanathan
Shanmugam a/l Somasundram

AJK :

Muhamad Hasbul Hakim
Hari Lakshman Kumar
Syed Naquiddin Syed Zaini

Al-Fatihah

**MUHAMMAD ZAHIRUDDIN BIN
MOHD ZARINUDIN**

4 DELTA

**Warga Kolej Sultan Abdul Hamid
mengucapkan takziah kepada keluarga
Muhammad Zahiruddin Mohd Zarinudin yang
telah kembali ke rahmatullah pada 6/10/06.
Semoga rohnya dicucuri rahmat.....**

Scholar, Sportsman and Gentleman